



KENYATAAN AKHBAR

IJM CONSTRUCTION MENANG ANUGERAH TOKOH JURUBINA 2015 CIDB

KUALA LUMPUR, 11 Sept: IJM Construction dinobatkan sebagai Tokoh Jurubina pada majlis Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia (MCIEA) 2015 yang berlangsung malam ini dengan kehadiran para penggiat industri utama dalam sektor ekonomi yang paling rancak berkembang itu.

Institut Kanser Negara di Putrajaya yang dibina bersama IJM Construction dan Kiara Teratai Sdn Bhd juga terpilih sebagai Projek Terbaik untuk bangunan melebihi RM100 juta.

Peranan arkitek dalam pembinaan turut mendapat perhatian apabila pereka eko Datuk Dr Kenneth Yeang, yang pernah memenangi pelbagai anugerah, diumumkan sebagai Tokoh Terkemuka manakala Tan Pei Ing, pengarah urusan PI Architect, menerima Anugerah Tokoh Wanita.

Tan Sri Eddy Chen dari MKH Bhd pula meraikan Anugerah CEO dalam senarai tiga individu dan 21 syarikat termasuk penerima sebutan khas yang ditentukan oleh panel hakim yang terdiri daripada para veteran industri.

Gamuda Engineering Sdn Bhd mendapat Anugerah Pencapaian Antarabangsa untuk pembinaan loji rawatan Yen So di Hanoi yang merupakan fasiliti terbesar sedemikian di Vietnam.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri Fadillah Yusof menyampaikan anugerah kepada pemenang di majlis makan malam yang merupakan acara kemuncak Minggu Pembinaan Antarabangsa (ICW) 2015 anjuran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia.

MCIEA yang diadakan setiap tahun sejak 2000 adalah anugerah paling lama dan paling berprestij bagi penggiat industri. Pertandingan tahun ini diadakan dalam enam kategori, iaitu Anugerah Tokoh Jurubina, Anugerah Individu, Anugerah Kontraktor Terbaik, Anugerah Projek Terbaik, Anugerah Pencapaian Antarabangsa dan Anugerah Khas.

Industri pembinaan mengatasi semua sektor lain dalam tempoh lima tahun Rancangan Malaysia Ke 10 dengan pertumbuhan purata tahunan 11.1% dengan menyumbangkan 4.5% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar dan 1.2 juta pekerjaan atau 8.9% tenaga kerja negara.

Pusat Konservasi dan Pameran Panda Gergasi di Zoo Negara yang baru-baru ini menyambut kelahiran anak panda yang pertama membawa tuah kepada Damaikon Sdn Bhd yang dipilih pemenang anugerah Projek Terbaik untuk bangunan antara RM20 juta hingga RM100 juta.

Terdapat dua pemenang dalam Projek Terbaik bagi infrastruktur melebihi RM100 juta, iaitu Fasa 1A Jeti Utama Vale Malaysia di Teluk Rubiah, Lumut dan Jambatan Kedua Pulau Pinang.

Projek Vale tersebut dikendalikan bersama oleh BAM Malaysia Sdn Bhd, McConnell Dowell (Malaysia) Sdn Bhd dan See Yong & Son Construction Sdn Bhd, manakala UEM Builders Bhd merupakan kontraktor utama untuk jambatan kedua itu.

Paramount Property Construction Sdn Bhd meraikan anugerah Projek Terbaik untuk bangunan kecil kurang RM20 juta dan sebutan khas dalam binaan hijau untuk Rumah Chengal di Sejati Residences, Cyberjaya, yang mengutamakan penggunaan chengal lama.

Para hakim untuk MCIEA 2015 terdiri daripada ketua panel Tan Sri Jamilus Hussein (Pengerusi/CEO, KLIA Premier Holdings Sdn Bhd), Datuk Ng Seing Liong (Pengarah Urusan, Kota Kelang Development Sdn Bhd), Ar Chan Seong Aun (Bekas Presiden, Pertubuhan Akitek Malaysia), Datuk Srikandan Kanagaintiram (Pengarah Urusan, KPK Quantity Surveyors Semenanjung Sdn Bhd), Datuk Azlan Karim (CEO, Putrajaya Holdings Bhd) dan Datuk Dr Hj Sharifuddin Musa (Yang Dipertua, Dewan Perniagaan Melayu Kuala Lumpur).

SENARAI PEMENANG MCIEA 2015

ANUGERAH TOKOH JURUBINA: IJM Construction Sdn Bhd

ANUGERAH INDIVIDU

Anugerah Tokoh Terkemuka: Datuk Dr Ar. Kenneth Yeang King Mun
(TR Hamzah and Yeang Sdn Bhd)

Anugerah CEO : Tan Sri Eddy Chen (Ketua Pegawai Eksekutif, MKH Berhad)

Anugerah Tokoh Wanita: Ar Tan Pei Ing (Pengarah Urusan, PI Architect)

ANUGERAH PENCAPAIAN ANTARABANGSA

Gamuda Engineering Sdn Bhd – Loji Rawatan Yen So, Vietnam

SEBUTAN KHAS

Scomi Engineering Bhd – Monorel Mumbai, India

Pestech Sdn Bhd – Talian bekalan kuasa Phnom Penh Kampong Cham, Kemboja

ANUGERAH PROJEK TERBAIK

Projek Besar melebihi RM100 juta (bangunan)

Institut Kanser Negara, Putrajaya

Kontraktor : IJM Construction-Kiara Teratai Sdn Bhd

Projek Sederhana RM20 juta hingga RM100 juta (bangunan)

Pusat Konservasi dan Pameran Panda Gergasi, Zoo Negara

Kontraktor: Damaikon Sdn Bhd

Projek kecil kurang RM20 juta (bangunan)

Rumah Chengal di Sejati Residences, Cyberjaya

Kontraktor: Paramount Property Construction Sdn Bhd

Projek Besar melebihi RM100 juta (infrastruktur)

Projek Vale Malaysia Pembinaan Jeti Utama Fasa 1A

Kontraktor: BAM Malaysia Sdn Bhd, McConnell Dowell (Malaysia) Sdn Bhd,
See Yong & Son Construction Sdn. Bhd.

Jambatan Kedua Pulau Pinang

Kontraktor: UEM Builders Berhad

SEBUTAN KHAS

Landasan Berkembar Elektrik Ipoh – Padang Besar

Kontraktor: MMC-Gamuda Joint Venture Sdn Bhd

Projek Sederhana RM20 juta hingga RM100 juta (infrastruktur)

Tiada pemenang

Projek kecil kurang RM20 juta (infrastruktur)

Tiada pemenang

ANUGERAH KONTRAKTOR TERBAIK

Gred G1: Double R Enterprise

SEBUTAN KHAS: Hadiah General Trading

Gred G2 Permata Bactris Enterprise

Gred G3 Straits Electrical Sdn Bhd

Gred G4 Golden Channel Services Sdn Bhd

Gred G5 Mamidor Reka Bina Sdn Bhd

Gred G6 Putra Sentosa Enterprise

ANUGERAH KHAS

Binaan Hijau

SEBUTAN KHAS

Rumah Chengal House di Sejati Residences, Cyberjaya

Kontraktor: Paramount Property Construction Sdn Bhd

Sistem Binaan Berindustri (IBS)

Perumahan Pelajar, Kolej Yayasan UEM, Lembah Beringin, Selangor

Kontraktor: UEM Builders Berhad

Keselamatan dan Kesihatan

Tiada pemenang

Innovasi

Konkrit Pempadatan Vakum (VCC)

Kontraktor: LRC TECH (M) Sdn Bhd

SEBUTAN KHAS

Pemulihan Haba Jimat Tenaga

Kontraktor: AL-CO Malaysia Sales & Services Sdn Bhd

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Noryani Ismail noryani@cidb.gov.my 03-40477027 / 019-2856867
Abdul Rakis Santa Rakis@cidb.gov.my 03-40477018 / 016-3836754